

ANALYSING THE MALAY TRANSLATION OF ARABIC PROHIBITION SENTENCES IN THE POETIC THEATER MAJNUN LAYLA BY AHMAD SHAWQI

AYAT FUNGSI LARANGAN DAN ANALISIS TERJEMAHAN MELAYUNYA DALAM TEATER PUISI MAJNUN LAYLA KARYA AHMAD SHAWQI

Wan Moharani Mohammadⁱ, Nurhasma Muhamad Saadⁱⁱ, Muhammad Marwan Ismailⁱⁱⁱ &
Farah Nadia Harun^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). moharani@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). nurhasma@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). marwanismail@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). farahnadia@usim.edu.my

Abstract	<i>It is difficult to translate literary works from Arabic into Malay. Choosing the proper structure of functional sentences in the target language is a crucial aspect of translation. Majnun Layla, a poetic theater by Ahmad Shawqi is considered as one of the outstanding works of contemporary Arabic literature. The work uses various kinds of Arabic functional sentences including prohibition sentences. Prohibition sentences fall within the verbal sentence category in Arabic. This differs with the Malay language, which bases itself on nominal sentences. Thus, the objective of this study is to examine the structure of the Arabic prohibition sentences in the poetic theater Majnun Layla and the way these sentences were translated into Malay. Samples of this Malay translation related to prohibition sentences are examined and contrasted. The information of Arabic and Malay sentence structures as well as Vinay and Darbelnet translation procedures are utilised in this analysis. These prohibition sentences are found to be translated into Malay with structures that are suitable for the context and the target language grammar. It is hoped that this study can contribute to improving the accuracy of Arabic–Malay literary translation.</i> Keywords: Arabic-Malay, Translation, Poetic Theater, Majnun Layla, Ahmad Shawqi.
Abstrak	<i>Terjemahan sesuatu karya sastera bahasa Arab ke bahasa Melayu merupakan suatu perkara yang sukar. Salah satu perkara penting dalam terjemahan ialah pemilihan padanan struktur ayat fungsi yang sesuai dalam bahasa sasaran. Teater puisi Majnun Layla karya Ahmad Shawqi dianggap sebagai salah satu karya bermutu dalam sastera Arab moden. Ia mengandungi pelbagai ayat fungsi antaranya ayat fungsi larangan. Dalam bahasa Arab, ayat ini diletakkan dalam kategori ayat verbal. Ini berbeza dengan bahasa Melayu yang berteraskan ayat nominal. Justeru, artikel ini cuba menganalisis struktur ayat larangan dalam bahasa Arab dan padanan</i>

	<i>strukturnya dalam terjemahan Melayu bagi teater puisi Majnun Layla. Beberapa sampel ayat fungsi larangan serta terjemahannya dianalisa dan dibandingkan. Analisa ini memanfaatkan maklumat klasifikasi ayat bahasa Arab serta bahasa Melayu dan prosedur terjemahan Vinay & Darbelnet. Didapati bahawa perkataan ayat fungsi larangan ini, diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan beberapa struktur yang bersesuaian dengan konteks dan tatabahasa sasaran. Diharapkan kajian seperti ini dapat sedikit sebanyak menyumbang ke arah peningkatan ketepatan terjemahan karya sastera Arab–Melayu.</i> Kata kunci: <i>Terjemahan, Arab-Melayu, Teater Puisi, Majnun Layla, Ahmad Shawqi.</i>
--	---

PENDAHULUAN

Terjemahan sesuatu karya sastera bahasa Arab ke bahasa Melayu bukanlah perkara yang mudah. Penterjemah karya sebegini menghadapi pelbagai cabaran dan kesukaran khususnya dalam menghasilkan karya sasaran yang bermutu tinggi setanding dengan karya sumber. Salah satu perkara penting dalam terjemahan ialah pemilihan padanan perkataan yang sesuai, difahami dan betul peraturannya dalam bahasa sasaran. *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi dianggap sebagai salah satu karya teater berbentuk puisi yang terkenal khususnya dalam era sastera Arab moden.

Antara aspek penting berkaitan penterjemahan ialah penterjemahan struktur ayat yang betul. *Majnun Layla* merupakan satu karya yang sarat dengan pelbagai struktur ayat fungsi atau *jumlah uslubiyyah*. Antaranya ayat larangan atau *jumlah al-Nahy* yang banyak terdapat dalam karya sastera tersebut. Justeru, artikel ini cuba menganalisis struktur ayat larangan dalam bahasa Arab dan padanan strukturnya dalam terjemahan Melayu bagi teater puisi *Majnun Layla*. Analisis ini memanfaatkan pengetahuan tentang prosedur terjemahan Vinay & Darbelnet. Ia juga memanfaatkan pengetahuan berkaitan klasifikasi ayat bahasa Arab serta bahasa Melayu.


Penulis teater puisi *Majnun Layla* ini ialah Ahmad Shawqi seorang tokoh sasterawan Arab pada zaman moden. Beliau adalah Ahmad Shawqi Bek bin Ali Bek. Beliau mewarisi darah keturunan pelbagai bangsa daripada ibu dan bapanya. (Wan Moharani, 1998; Butrus al-Bustani, 1979). Beliau dilahirkan pada 1865 di Kaherah dan dibesarkan dalam keluarga yang mulia dan kaya (Wan Moharani, 1998; Kazim Hatit, 1987). Beliau melanjutkan pelajarannya hingga ke Perancis dan pulang ke Mesir pada tahun 1891 berbekalkan ilmu pengetahuan yang ditimba serta pengalaman pahit manis di Perancis. Pada masa tersebut beliau telahpun menguasai tiga bahasa iaitu bahasa Arab, Perancis dan Turki. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tahun 1932. (Wan Moharani, 1998; Butrus al-Bustani, 1979).

Ahmad Shawqi banyak menghasilkan karya sastera sama ada puisi mahupun prosa. Antara hasil karya penulisan beliau ialah:

1. *Diwan al-Shawqiyyat*
2. *Al-Masrahiyyah al-Syicriyyah (teater puisi)* seperti *Masrac Cleopatra, Majnun Layla dan Qambiz*
3. *Aswaq al-Zahab* (Wan Moharani, 1998; Kazim Hatit, 1987).

Teater puisi *Majnun Layla* ini bertemakan “perjuangan cinta dua insan iaitu Qays dan Layla yang terhalang oleh adat yang dijunjung masyarakat setempat. Ia berkisar tentang kisah cinta Qays seorang penyair bani Amir terhadap sepupunya Layla. Cintanya yang terlalu mendalam terhadap Layla menyebabkan dirinya memuja Layla dan melahirkan perasaan cinta dan kasih terhadap Layla dalam ungkapan syairnya. Ini berlawanan dengan adat setempat yang melarang seseorang memuja dan menyatakan cinta terhadap kekasihnya di dalam syair. Akibatnya Qays tidak dapat berkahwin dengan Layla yang merelakan dirinya

menerima Ward sebagai suami demi memelihara kehormatan adat. Bagaimanapun kedua-dua kekasih ini menderita sehingga ke akhir mereka. Kematian Qays di kubur Layla menandakan pengakhiran kisah cinta dua insan di dunia ini. Secara lahirnya dalam pertembungan antara adat dan cinta itu, dilihat adat muncul juara. Walaupun cinta itu tidak dapat menyatukan mereka di dunia ini, namun ikatan cinta Qays dan Layla sebenarnya begitu kuat, tidak dapat diputuskan walaupun oleh adat yang secara zahirnya kelihatan sebagai pemenang” (Wan Moharani Mohammad, 1998: 13-14).



Rajah 1: Terjemahan dan Ulasan Teater *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi (Fasal I-III)

Fasal 1 hingga Fasal 3 karya ini telah diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Wan Moharani bin Mohammad pada tahun 1998 dalam sebahagian dari latihan ilmiahnya bagi peringkat sarjana muda di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI, UKM. Ini mungkin boleh dilihat sebagai salah satu percubaan dalam aktiviti terjemahan khususnya penterjemahan karya sastera Arab ke bahasa Melayu. Latihan ilmiah ini turut membentangkan ulasan berkenaan karya tersebut.

Selain daripada kajian di atas, terdapat pelbagai kajian berkaitan terjemahan sastera Arab Melayu telah dijalankan. Antaranya artikel bertajuk “Analisis terjemahan berkaitan budaya kehidupan kampung dalam Novel Zainab karya Muhammad Husayn Haykal” yang cuba menganalisis terjemahan bahasa Melayu berkaitan budaya kehidupan kampung khususnya di Mesir sekitar kurun ke-19 (Wan Moharani et al., 2022).

Artikel bertajuk “Analisa padanan perkataan *al-qamh* dalam terjemahan Melayu bagi novel Zainab karya Muhammad Husayn Haykal” pula cuba menganalisis padanan perkataan *al-qamh* (gandum) dan derivasinya dalam terjemahan Melayu tersebut (Wan Moharani et al., 2022). Manakala artikel bertajuk “Analisa Terjemahan Melayu Berkaitan Keindahan Desa Dalam Novel Zainab Karya Muhammad Husayn Haykal” dilihat cuba menganalisis terjemahan Melayu bagi unsur keindahan desa dalam novel tersebut (Wan Moharani et al., 2022).

Selain itu artikel bertajuk “Analisis Terjemahan Melayu Berkaitan Emosi Sedih Dalam Novel Majdulin Karya Al-Manfaluti” menganalisis terjemahan Melayu berkaitan emosi sedih yang terdapat dalam novel tersebut (Wan Moharani et al., 2023) Makalah

bertajuk “Analisis Padanan Perkataan *Al-Khianah* dalam Terjemahan Melayu (Khianat) bagi Novel *Al-Liss Wa Al-Kilab* Karya Naguib Mahfouz” pula menganalisis padanan perkataan *al-khianah* dalam terjemahan Melayu bagi novel *al-Liss wa al-Kilab* (Nurhasma et al., 2022). *Manakala* makalah bertajuk “Prosedur Terjemahan Unsur Alam dalam Puisi Unshudat Al-Matar Karya Badr Shakir Al-Sayyab” mengkaji prosedur terjemahan berkaitan terjemahan unsur alam dalam puisi tersebut (Nurhasma et al., 2022).

Turut didapati makalah bertajuk “Analisis Terjemahan Melayu Berkaitan *Al-Layl* Dalam Novel *Zainab* Karya Muhammad Husayn Haykal” yang menganalisis terjemahan perkataan *al-Layl* serta frasanya dalam novel tersebut (Wan Moharani et al., 2022).

Dalam penterjemahan, sepertimana yang kita sedia maklum, terdapat pelbagai prosedur yang boleh dijadikan sebagai panduan. Vinay dan Darbelnet sebagai contohnya, mengklasifikasikan prosedur terjemahan kepada dua iaitu ‘terjemahan langsung’ (*direct translation*) dan ‘terjemahan tidak langsung’ (*oblique translation*) (Idris, 2016: 61; Vinay & Darbelnet, 1995).

Terjemahan langsung diklasifikasikan kepada tiga iaitu:

1. Peminjaman (*borrowing*)
2. Pinjam terjemah (*calque*)
3. Terjemahan literal (*literal translation*)

Terjemahan tidak langsung pula diklasifikasi kepada empat prosedur iaitu:

1. Transposisi (*transposition*)
2. Modulasi (*modulation*)
3. Persamaan (*equivalence*)
4. Adaptasi (*adaptation*) (Idris 2016:61, Vinay & Darbelnet 1995).

Ayat fungsi larangan yang dimaksudkan di sini ialah ayat yang berfungsi menyampaikan makna larangan. Ayat larangan dalam bahasa Melayu ialah “ayat yang menggunakan kata larangan seperti jangan, usah atau tak usah sebelum kata kerja dengan tujuan menegah seseorang melakukan sesuatu” (Nik Safiah Karim, 1994: 430) seperti dalam contoh “Jangan ambil harta orang”. Dalam bahasa Arab, ia adalah ayat yang meminta supaya dihentikan sesuatu perbuatan. Ia berlaku dengan meletakkan partikel لا النهي (*La al-Nahy*) di hadapan suatu *fi'cl mudaric majzum*. Antara contoh ayat larangan dalam bahasa Arab ialah لا تذهب (al-Rajhi, 2000: 295; Sibawayh, 1988: 8; Ibn Hisham, 2000: 320). Ayat bahasa Arab terbahagi kepada ayat nominal (*jumlah ismiyyah*) dan ayat verbal (*jumlah fi'liyyah*) (al-Rajhi, 2000: 83). Dalam bahasa Arab, ayat fungsi larangan sebegini diletakkan dalam kategori ayat verbal (al-Rajhi, 2000: 95). Ini berbeza dengan bahasa Melayu yang berteraskan ayat nominal dan secara asasnya terdiri daripada subjek dan predikat (Wan Moharani, 2003: 5).

Perbandingan antara kedua bahasa sebegini dapat membantu proses terjemahan Arab-Melayu. “Walaupun membandingkan antara dua bahasa daripada dua rumpun yang berbeza, namun sebenarnya ialah perbandingan antara dua bahasa yang mempunyai hubungan yang rapat” (Wan Moharani, 2003: 5). Perbezaan aspek tatabahasa antara kedua bahasa tersebut pula boleh menimbulkan masalah dalam penterjemahan. Ini seterusnya memerlukan strategi terjemahan khusus bagi mengatasi masalah yang timbul, sebagai contohnya dalam aspek penggunaan *harf al-Jar* (Wan Moharani, 2021).

METODOLOGI

Artikel ini berdasarkan kajian kepustakaan. Artikel ini cuba menganalisis terjemahan berkaitan ayat larangan dalam terjemahan Melayu bagi teater puisi *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi. Analisa ini memanfaatkan beberapa aspek pengetahuan tentang prosedur terjemahan Vinay & Darbelnet. Analisa ini turut memanfaatkan peraturan atau kaedah yang berkaitan dengan ayat larangan dalam kedua-dua bahasa. Sebanyak tujuh ayat larangan dari

fasal pertama hingga ketiga *Majnun Layla* serta terjemahan Melayunya dipilih sebagai sampel untuk analisis.

DAPATAN

Analisis mendapati beberapa pilihan padanan bagi partikel لا *al-Nahy* atau larangan yang digunapakai dalam terjemahan Melayu bagi teater puisi tersebut iaitu “jangan” dan “usah”. Turut didapati terdapat juga penambahan partikel “lah” kepada perkataan “jangan” dalam beberapa terjemahan Melayu. Penambahan ini bertujuan melembutkan larangan atas sebab tertentu. Selain itu, dapat dilihat juga beberapa prosedur terjemahan berkaitan ayat larangan tersebut seperti literal dan transposisi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Beberapa penggunaan berkaitan ayat fungsi larangan dalam *Majnun Layla* serta terjemahannya telah dipilih untuk perbincangan.

Sampel Pertama

إِبْنُ ذَرِيحٍ لَا يَجُزُّ وَاقْتَصِدْ أَحْلَامُ مَرْوَانَ جِبَالًا رَوَّاسٍ

(Ahmad Shawqi, 2011; Ahmad Shawqi t.th)

Terjemahan Melayu bagi ayat tersebut ialah seperti dalam rajah berikut:

Wahai Ibn Dharīḥ, janganlah keterlaluan, berhati-hatilah.

Impian Marwān seteguh gunung-gunung yang berdiri megah.

Rajah 2: Terjemahan & Ulasan Teater *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi (Fasal I-III), h.38

Ayat larangan dalam sampel di atas ialah "لا تجر". Partikel لا dalam ayat ini merupakan partikel Al-Nahy yang membawa makna larangan atau tegahan (Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 2050). Ia berbeza dengan partikel لا *al-Nafy* yang membawa maksud “tidak”. Bukti yang menunjukkan bahawa partikel لا dalam konteks ayat ini membawa maksud *al-Nahy* atau larangan ialah perkataan تَجَر selepasnya. Perkataan tersebut adalah *fiʿl mudaric* dalam bentuk *majzum*. Ia mendapat hukum *jazm* kerana didahului oleh لا *al-Nahy*. Sekiranya partikel لا di sini adalah لا *an-Nafy*, maka ia tidak menerima tanda *al-Jazm*, bahkan memadai dengan tanda *al-Rafʿ*. Maka jelaslah bahawa ayat ini adalah ayat larangan dalam bahasa Arab yang terdiri daripada struktur partikel لا *an-Nahy* + *fiʿl mudaric majzum*.

Ayat larangan ini diterjemahkan kepada “janganlah keterlaluan”. Partikel لا *an-Nahy* diterjemahkan secara literalnya kepada perkataan “jangan”. Perkataan ini membawa maksud larangan (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010: 606). Di sini dapat dilihat adanya penambahan partikel “lah” selepas perkataan “jangan”. Penambahan partikel “lah” dalam konteks ini dilihat mengandungi unsur yang melembutkan larangan. Ini sesuai dengan pandangan Nik Safiah Karim (1994: 430) yang menyatakan bahawa “ayat-ayat di atas (yakni ayat larangan) dapat dilembutkan dengan menambahkan partikel -lah”. Penterjemah dilihat cuba melembutkan larangan dalam terjemahan ayat ini mungkin kerana faktor hubungan kedudukan sosial ayat larangan itu ditujukan iaitu Ibn Dharīḥ yang merupakan seorang penyair Hijaz yang dihormati dalam cerita *Majnun Layla* ini.

Perkataan تَجَر pula dalam konteks ayat ini membawa maksud “kamu keterlaluan”. Bagaimanapun penterjemah memilih untuk tidak menterjemahkan kata ganti nama kedua yakni “kamu” dan memadai dengan terjemahan “keterlaluan” sahaja. Ini dilihat tidak mengganggu kebolehfahaman pembaca bahasa sasaran kerana ayat ini didahului dengan

frasa “Wahai Ibn Dharih” yang merupakan rujukan asal kepada kata ganti nama kedua tersebut.

Selain itu, turut dapat dilihat prosedur transposisi dalam terjemahan perkataan *تجر* kepada “keterlaluan”. *تجر* merupakan perkataan dalam klasifikasi kata kerja dalam bahasa Arab manakala perkataan “keterlaluan” adalah kata adjektif dalam bahasa Melayu. Secara umumnya terjemahan ayat larangan dalam konteks ini dilihat dapat difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Sampel Kedua

أَعْرَني سَمَاعَكَ يَا بَنَ ذَرِيحٍ وَلَا تَسْمَعِ الطِّفْلَةَ الْهَادِيَةَ
(Ahmad Shawqi, 2011: Ahmad Shawqi t.th)

Terjemahan Melayu bagi ayat tersebut ialah seperti dalam rajah berikut:

Wahai Ibn Dharih, dengarlah kata-kataku ini pula, jangan dilayani cakap-cakap kosong anak-anak kecil itu tadi.

Rajah 3: Terjemahan & Ulasan Teater *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi (Fasal I-III), h.39

Ayat larangan dalam sampel di atas ialah “لا تسمع”. Partikel لا dalam ayat ini merupakan partikel *Al-Nahy* yang membawa makna larangan atau tegahan (Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 2050; Abu Abdullah, 2006: 553). Ia berbeza dengan partikel لا *al-Nafy* yang membawa maksud “tidak”. Bukti yang menunjukkan bahawa partikel لا dalam konteks ayat ini membawa maksud *al-Nahy* atau larangan ialah perkataan تسمع selepasnya. Perkataan tersebut adalah *fi'cl mudaric* dalam bentuk *majzum*. Ia mendapat hukum *jazm* kerana didahului oleh لا *al-Nahy*. Sekiranya partikel لا di sini adalah لا *an-Nafy*, maka ia tidak menerima tanda *al-Jazm*, bahkan memadai dengan tanda *al-Raf'c*. Maka jelaslah bahawa ayat ini adalah ayat larangan dalam bahasa Arab yang terdiri daripada struktur partikel لا *an-Nahy* + *fi'cl mudaric majzum*.

Dalam konteks ini, ayat larangan tersebut diterjemahkan kepada “jangan dilayani cakap-cakap kosong”. Partikel لا *an-Nahy* diterjemahkan secara literalnya kepada perkataan “jangan”. Perkataan ini membawa maksud larangan (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010: 606). Di sini dapat dilihat adanya penambahan partikel “lah” selepas perkataan “jangan”. Penambahan partikel “lah” dalam konteks ini dilihat mengandungi unsur yang melembutkan larangan. Ini sesuai dengan pandangan Nik Safiah Karim (1994: 430) yang menyatakan bahawa “ayat-ayat di atas (yakni ayat larangan) dapat dilenbutkan dengan menambahkan partikel -lah”. Penterjemah dilihat cuba melembutkan larangan dalam terjemahan ayat ini mungkin kerana faktor hubungan kedudukan sosial ayat larangan itu ditujukan iaitu Ibn Dharih yang merupakan seorang penyair Hijaz yang dihormati dalam cerita *Majnun Layla* ini.

Perkataan سمع pula secara leksikalnya bermakna “mendengar” (Kamus al-Khalil 2006: 295). Dalam konteks ayat ini, perkataan تسمع diterjemahkan kepada “dilayani cakap-cakap kosong anak-anak kecil”. Terjemahan ini dilihat sesuai dengan konteks ayat kerana terdapatnya frasa الطِفْلَةَ الْهَادِيَةَ membawa maksud “kanak-kanak yang merepek” (Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 2504) yang menjustifikasikan terjemahan تسمع dengan frasa “cakap-cakap kosong”. Turut dilihat penterjemah memilih untuk tidak menterjemahkan kata ganti nama kedua yakni “kamu” dan memadai dengan terjemahan “keterlaluan” sahaja. Bagaimanapun ia dilihat tidak mengganggu kebolehfahaman pembaca bahasa sasaran kerana ayat ini telah didahului oleh frasa “Wahai Ibn Dharih”. “Ibn Dharih” adalah kata ganti nama khas yang merupakan rujukan asal kepada kata ganti nama kedua tersebut.

Sampel Ketiga dan Keempat

إِذْ هَاتِ وَاصِدُقْ بَشْرُ فِي الْقَوْلِ مَرَّةً وَلَا تَخْتَرُ أَوْ تَبْنِ مِنْ حَجَرٍ قَصْرًا!

(Ahmad Shawqi 2011, Ahmad Shawqi t.th)

Terjemahan Melayu bagi ayat tersebut ialah seperti dalam rajah berikut:

Kalau begitu wahai Bishr, buktikanlah dan kotakanlah
kata-katamu itu sekali lagi.
Usah kau cipta, usah kau bina istana daripada seketul batu.

Rajah 4: Terjemahan & Ulasan Teater *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi (Fasal I-III), h.44

Terdapat dua ayat larangan dalam sampel di atas iaitu ayat "لا تخترع" dan ayat "تبْنِ". Partikel لا dalam ayat pertama merupakan partikel *Al-Nahy* yang membawa makna larangan atau tegahan. Ia berbeza dengan partikel لا *al-Nafy* yang membawa maksud "tidak". Bukti yang menunjukkan bahawa partikel لا dalam konteks ayat ini membawa maksud *al-Nahy* atau larangan ialah perkataan تخترع selepasnya. Perkataan tersebut adalah *fi'cl mudaric* dalam bentuk *majzum*. Ia mendapat hukum *jazm* kerana didahului oleh لا *al-Nahy*. Sekiranya partikel لا di sini adalah لا *an-Nafy*, maka ia tidak menerima tanda *al-Jazm*, bahkan memadai dengan tanda *al-Raf'c*. Maka jelaslah bahawa ayat ini adalah ayat larangan dalam bahasa Arab yang terdiri daripada struktur partikel لا *an-Nahy* + *fi'cl mudaric majzum*.

Dalam ayat kedua pula "أو تبْنِ" partikel لا *al-nahy* ini tidak dizahirkan. Ini kerana kata kerja "تبْنِ" telah diatofkan kepada katakerja "تخترع" dengan kewujudan partikel أو *al-atf*. Maka kesan kewujudan لا *an-Nahy* berlaku kepada kata kerja "تبْنِ" yang menerima hukum *al-jazm*.

Ayat larangan pertama "لا تخترع" diterjemahkan kepada "Usah kau cipta". Partikel لا *an-Nahy* diterjemahkan secara literal kepada perkataan "usah". Perkataan ini membawa maksud "jangan" (Kamus Dewan Edisi keempat 2010:1781). Perkataan اخترع daripada aspek leksikalnya bermaksud "mencipta atau membuat sesuatu yang baharu" (rujuk Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 601). Perkataan تخترع dalam ayat ini diterjemahkan secara literalnya kepada "engkau cipta". Secara umumnya terjemahan ayat larangan dalam konteks ini dilihat dapat difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Ayat larangan pertama "تبْنِ" diterjemahkan kepada "Usah kau bina". Partikel لا *an-Nahy* yang tidak dizahirkan dalam ayat sumber telah diterjemahkan secara literal kepada perkataan "usah". Perkataan ini membawa maksud "jangan" (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010: 1781). Perkataan بني daripada aspek leksikalnya bermaksud "mendirikan" (Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 175). Perkataan تبْنِ dalam ayat ini pula telah diterjemahkan secara literalnya kepada "kau bina". Secara umumnya terjemahan ayat larangan dalam konteks ini dilihat dapat difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Sampel Kelima dan Keenam

فَقُلْتُ لَهُ يَا ظِيْلِي لَا تَخْشَ حَدَثًا (فَإِنَّكَ لِي جَارٌ وَلَا تَرْهَبِ الدَّهْرَ)

(Ahmad Shawqi 2011, Ahmad Shawqi t.th)

Terjemahan Melayu bagi ayat tersebut ialah seperti dalam rajah berikut:

Kukatakan padanya, "Wahai Sang Kijang, usah kau takuti sesuatu yang berlaku. Sesungguhnya engkau adalah jiran bagi diriku dan janganlah engkau geruni tipu daya masa."

Rajah 5: Terjemahan & Ulasan Teater *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi (Fasal I-III), h.45

Terdapat dua ayat larangan dalam sampel di atas iaitu ayat "لا تخش" dan ayat "لا ترهب". Partikel لا dalam ayat pertama merupakan partikel *Al-Nahy* yang membawa makna larangan atau tegahan. Ia berbeza dengan partikel لا *al-Nafy* yang membawa maksud "tidak". Bukti yang menunjukkan bahawa partikel لا dalam konteks ayat ini membawa maksud *al-Nahy* atau larangan ialah perkataan تخش selepasnya. Perkataan tersebut adalah *fi'cl mudaric* dalam bentuk *majzum*. Ia mendapat hukum *jazm* kerana didahului oleh لا *al-Nahy*. Sekiranya partikel لا di sini adalah لا *an-Nafy*, maka ia tidak menerima tanda *al-Jazm*, bahkan memadai dengan tanda *al-Rafc*. Maka jelaslah bahawa ayat ini adalah ayat larangan dalam bahasa Arab yang terdiri daripada struktur partikel لا *an-Nahy* + *fi'cl mudaric majzum*.

Partikel لا dalam ayat kedua juga merupakan partikel *Al-Nahy* yang membawa makna larangan atau tegahan. Ia berbeza dengan partikel لا *al-Nafy* yang membawa maksud "tidak". Bukti yang menunjukkan bahawa partikel لا dalam konteks ayat ini membawa maksud *al-Nahy* atau larangan ialah perkataan ترهب selepasnya. Perkataan tersebut adalah *fi'cl mudaric* dalam bentuk *majzum*. Ia mendapat hukum *jazm* kerana didahului oleh لا *al-Nahy*. Sekiranya partikel لا di sini adalah لا *an-Nafy*, maka ia tidak menerima tanda *al-Jazm*, bahkan memadai dengan tanda *al-Rafc*. Maka jelaslah bahawa ayat ini adalah ayat larangan dalam bahasa Arab yang terdiri daripada struktur partikel لا *an-Nahy* + *fi'cl mudaric majzum*.

Ayat larangan pertama "لا تخش" diterjemahkan kepada "Usah kau takuti". Partikel لا *an-Nahy* diterjemahkan secara literal kepada perkataan "usah". Perkataan ini membawa maksud "jangan" (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010: 1781). Perkataan خشي daripada aspek leksikal bermaksud "takut" (Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 626). Perkataan تخش dalam ayat ini pula telah diterjemahkan secara literalnya kepada "engkau takuti". Secara umumnya terjemahan ayat larangan dalam konteks ini dilihat dapat menyampaikan makna penulis asal dan mampu difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Ayat larangan pertama "لا ترهب" diterjemahkan kepada "Janganlah engkau geruni". Partikel لا *an-Nahy* yang dalam ayat sumber telah diterjemahkan kepada perkataan "jangan". Partikel لا *an-Nahy* diterjemahkan kepada perkataan "jangan" dan ditambah dengan "lah". Perkataan "jangan" membawa maksud larangan (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010: 606). Perkataan رهب daripada aspek leksikal bermaksud "takut" (Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 983). Perkataan ترهب dalam ayat ini pula telah diterjemahkan secara literalnya kepada "engkau geruni". Perkataan "gerun" dalam bahasa Melayu membawa maksud "takut, ngeri" (Kamus Dewan edisi keempat, 2010: 467). Secara umumnya terjemahan ayat larangan dalam konteks ini dilihat dapat menyampaikan makna penulis asal dan mampu difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Sampel Ketujuh

بل دعينا لا تزيدني يا ليل سُخطي انفجارًا
(Ahmad Shawqi 2011, Ahmad Shawqi t.th)

Terjemahan Melayu bagi ayat tersebut ialah seperti dalam rajah berikut:

**Bahkan tinggalkan kami, usah kau tambahkan kemarahanku yang
memuncak ini, wahai Laylā.**

Rajah 6: Terjemahan & Ulasan Teater *Majnun Layla* karya Ahmad Shawqi (Fasal I-III), h.64

Ayat larangan dalam sampel di atas ialah "لا تزيدي". Partikel لا dalam ayat ini merupakan partikel *al-Nahy* yang membawa makna larangan atau tegahan (Qamus Besar Arab Melayu Diwan, 2015: 2050). Ia berbeza dengan partikel لا *al-Nafy* yang membawa maksud "tidak". Bukti yang menunjukkan bahawa partikel لا dalam konteks ayat ini membawa maksud *al-Nahy* atau larangan ialah perkataan تزيدي selepasnya. Perkataan tersebut adalah *fi'cl mudaric* dalam bentuk *majzum*. Ia mendapat hukum *jazm* kerana didahului oleh لا *al-Nahy*. Sekiranya partikel لا di sini adalah لا *an-Nafy*, maka ia tidak menerima tanda *al-Jazm*, bahkan memadai dengan tanda *al-Raf'c*. Maka jelaslah bahawa ayat ini adalah ayat larangan dalam bahasa Arab yang terdiri daripada struktur partikel لا *an-Nahy* + *fi'cl mudaric majzum*.

Ayat larangan ini diterjemahkan kepada "usah kau tambahkan". Partikel لا *an-Nahy* diterjemahkan secara literal kepada perkataan "usah". Perkataan ini membawa maksud "jangan" (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010: 1781). Perkataan زاد-يزيد daripada aspek leksikal bermaksud "tambah" (Kamus at-Tullab, 1994: 545). Perkataan تزيدي dalam ayat ini telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan "kau tambahkan". Secara umumnya terjemahan ayat larangan dalam konteks ini dilihat dapat menyampaikan makna penulis asal dan mampu difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Kesimpulannya daripada analisis sampel di atas, dapat dikatakan bahawa terdapat banyak penggunaan ayat fungsi larangan dalam teks sumber teater puisi *Majnun Layla* ini. Dapat dilihat daripada analisis bahawa terjemahan partikel لا *an-Nahy* yang digunapakai dilihat menjurus kepada terjemahan literal. Padanan partikel لا *an-Nahy* yang digunapakai dalam sampel analisis dapat diringkaskan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 7: Terjemahan Melayu bagi Partikel لا *an-Nahy* seperti dalam contoh analisa

KESIMPULAN

Dari aspek terjemahan berkaitan ayat larangan dalam teater puisi *Majnun Layla*, secara umumnya terjemahan yang digunapakai dilihat berhasil dalam cubaan penterjemah menterjemahkan makna yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Analisis mendapati terdapat beberapa pilihan padanan bagi partikel لا *al-Nahy* atau partikel larangan bahasa Arab yang digunapakai dalam terjemahan Melayu bagi teater puisi tersebut. Selain itu, dapat dilihat juga beberapa prosedur terjemahan berkaitan ayat larangan tersebut seperti literal dan transposisi. Justeru, diharapkan agar pengetahuan berkaitan ayat larangan dan bentuk terjemahannya dapat terus dimanfaatkan dalam usaha terjemahan karya sastra Arab-Melayu khususnya dalam terjemahan karya teater puisi.

RUJUKAN

Buku

- Abu Abdullah Hanafi bin Dollah. 2006. *Kamus al-Khalil*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad Shawqi. 2011. *Majnun Layla*. Muassasah Hindawi: al-Mamlakah al-Muttahidah.
- Ahmad Shawqi. t.th. *Majnun Layla*. Misr: Muassasah Fan al-Tiba'ah.
- Al-Bustani, Butrus. 1979. *Udaba' al-Arab fi al-Andalus wa 'Asr al-Inbi'ath*. Jld.3. Dar Marun.
- Al-Rajhi, Abduh. 2000. *Al-Tatbiq al-Nahwiyy*. Dar al-Ma'rifah Iskandariyyah al-Jami'iyah.
- Hatit, D. Kazim. 1987. *'Alam wa Ruwwad fi al-Adab al-'Arabiyy*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnaniyy.
- Hussain Unang. 1994. *Kamus At-Tullab*. Kuala Lumpur: Dar al-fikr.
- Ibn Hisham al-Ansariyy. 2000. *Mughni al-Labib 'An Kutub al-A'rib*. Kuwayt: al-Turath al-'Arabiyy.
- Idris Mansor. 2016. *Pendekatan Terjemahan*. Chapter in Asas Terjemahan dan Interpretasi (Edt. Haslina Haroon & Hasuria Che Omar). Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1994. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qamus Besar Arab Melayu Dewan. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sibawayh, Amru ibn Uthman. 1988. *al-Kitab*. Al-Qahirah: Maktabah al-Khanjiyy.
- Wan Moharani Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad, Muhammad Marwan Ismail, Zulkipli Md Isa, Sulaiman Ismail. 2022. *Analisa Terjemahan Melayu Berkaitan Keindahan Desa Dalam Novel Zainab Karya Muhammad Husayn Haykal*. Bab Dalam Buku "Isu-isu kontemporari dalam Pengajian Linguistik Arab & Ketamadunan". Bandar Seri Putra: Penerbit FPPI KUIS.

Jurnal

- Nurhasma Muhamad Saad, Wan Moharani Mohammad, Muhammad Marwan Ismail, Yuslina Mohamed. 2022. *Analisis Padanan Perkataan Al-Khianah dalam Terjemahan Melayu (Khianat) bagi Novel Al-Liss Wa Al-Kilab Karya Naguib Mahfouz*. Jurnal Pengajian Islam, 15(2), 63-74.
<https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/213>
- Nurhasma Muhamad Saad, Wan Moharani Mohammad, Yuslina Mohamed & Muhammad Marwan Ismail. 2022. *Prosedur Terjemahan Unsur Alam dalam Puisi Unshudat Al-Matar Karya Badr Shakir Al-Sayyab*. Jurnal Pengajian Islam, 15(2), 74-84.
<https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/215>
- Wan Moharani Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad & Muhammad Marwan Ismail. 2023. *Analisis Terjemahan Melayu Berkaitan Emosi Sedih Dalam Novel Majdulin Karya Al-Manfaluti*. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 8(50), 664-677.

Persidangan dan Prosiding

- Wan Moharani Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad, Zulkipli Md. Isa, Muhammad Marwan Ismail & Sulaiman Ismail. 2022. *Analisis terjemahan berkaitan budaya kehidupan kampung dalam Novel Zainab karya Muhammad Husayn Haykal*. Kertas kerja dibentangkan secara online dalam seminar Istri 2022. Pulau Pinang: USM.
- Wan Moharani Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad, Muhammad Marwan Ismail, Sulaiman Ismail & Zulkipli Md. Isa. 2022. *Analisa Padanan Perkataan Al-Qamh Dalam Terjemahan Melayu Bagi Novel Zainab Karya Muhammad Husayn Haykal*. Kertas Kerja Dibentangkan Secara Online Dalam Seminar Iconics 2022. Bandar Seri Putra: KUIS.
- Wan Moharani Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad, Zulkipli Md Isa, Muhammad Marwan Ismail & Sulaiman Ismail. 2022. *Analisis Terjemahan Melayu Berkaitan Al-*

Layl Dalam Novel Zainab Karya Muhammad Husayn Haykal. Dalam E-Proceeding Sais2022. Nilai: USIM.

Tesis

Wan Moharani Mohammad. 1998. *Terjemahan dan Ulasan Teater Majnun Layla karya Ahmad Shawqi (Fasal I-III)*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Bangi: UKM.

Wan Moharani Mohammad. 2003. *Subjek Dan Predikat: Satu Kajian Bandingan Antara Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu*. Disertasi Ijazah Sarjana. Bangi: UKM.

Wan Moharani Mohammad. 2021. *Istirātījīyyah Tarjamah Hurūf Al-Jarr Al-Mutanāwibah Fī Tarjamah Al-Qur'ān Ilā Al-Malāyūwiyyah*. Tesis Phd. Bangi: UKM.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.